

BULETIN PERPUSTAKAAN

K-Sharing :

- Travelog 7 Benua
- Bandar selamat
- Bahaya logam berat
- Pengurusan tekanan

News@Library :

- HIRARC
- Khidmat Masyarakat – Masjid Kolam Ayer
- Gotong Royong Perdana
- Lawatan Akademik

HIGHLIGHTS

Arts@Library

- Refleksi 7 Benua
- Menyantuni Warisan Sejarah Universiti

Travelog 7 Benua : Program '3 dalam 1'



Prof. Dr. Nordin Yahya, Pro-Naib Canselor (Antarabangsa), UTM Johor Bahru menyokong program **K-Sharing** dan pameran seni foto @ Perpustakaan melalui penglibatan beliau dalam bicara karya '**Kompilasi Travelog 7 Benua**', 15 Mei 2017 dan pameran "**Refleksi 7 Benua**", 15 Mei – 15 Julai 2017.

Serentak dengan itu, pertandingan '**My Favourite Photo**' untuk pameran berkenaan telah dilaksanakan dan pemenangnya akan diumumkan dalam bulan Julai 2017 akan datang.

Kempen' Jom Baca Bersama 10 minit'




Perpustakaan UTM turut meraikan program Bulan Membaca Kebangsaan 2017 melalui kempen 'Jom Baca Bersama 10 minit'. Hebahan untuk warga kampus telah diadakan dan telah disertai oleh pelajar bersempena kempen berkenaan.

Bicara Editor

Pembaca budiman, Perpustakaan UTM bukan sahaja memiliki koleksi bahan rujukan bersifat akademik semata-mata, malahan himpunan koleksinya turut melibatkan novel, seni mempertahankan diri, seni fotografi dan pelbagai lagi. Perpustakaan UTM turut menjadi pilihan Yang Amat Mulia, Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah untuk menempatkan koleksi bahan tulisan dan bacaan baginda, iaitu di PRZS. Berpaksikan rukun perpustakaan, Ranganathan's Law (1931), *'Every Book its Reader'*, kami mengundang warga kampus untuk turut menggali rahsia koleksi bahan di sini.

Selamat Membaca!

– Editor–



Pameran 'Refleksi 7 Benua'

Kompilasi foto travelog Prof. Dr. Nordin Yahya Pro-Naib Canselor (Antarabangsa), UTM bermula dari 15 Mei hingga 15 Julai 2017

Editorial

Patron:

Dr. Hajjah Kamariah binti
Nor Mohd Desa

Editor-in-Chief:

Noraziah Sharuddin / Zaleha Atan

Editor:

Siti Nisrin M Anis

Editorial Team:

Norhafiza Daud Kaiyin, Syazwani
Syamimi Mat Pauzi, Liza Porijo,
Norsyuhada Shafie, Badariah
Borham, Hamidah Mat Arif

Circulation:

Khalid Yusoff, Faridah Patoni,
Faizal Fadzil

Photography:

Wan Jamal Mohd Arif

***Buletin Perpustakaan is published
quarterly in print and online.***

Copyright©2017

Telephone : +607-5531140

Email : nisrin@utm.my

: library@utm.my

Printed by: Fxsigma Technology

"Books are a
uniquely portable
magic."

Stephen King



Knowledge Sharing Activities

Pelaksanaan Bandar Selamat Sekitar UTM

3 Mei 2017



Puan Hajjah Zarina Abd. Hamid (MPJBT)

Puan Hajjah Zarina merupakan Ketua Perancangan Jabatan Pembangunan, MPJBT. Beliau telah membicarakan mengenai tiga ciri tentang bandar selamat, iaitu (1) bebas gangguan kerosakan (2) bebas masalah sosial dan (3) bebas kemusnahan mala petaka. Beliau turut menyentuh mengenai aktiviti semasa keselamatan bandar yang dikendalikan oleh pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT)



<https://www.youtube.com/watch?v=G3J32BM5hhs>

24 Mei 2017

Bahaya Logam Berat dalam Makanan Laut & Bagaimana Menyah toksikannya

Prof. Dr. Wan Azelee Wan Abu Bakar (FS)

Prof. Dr. Wan Azelee, merupakan Timbalan Dekan Penyelidikan, Inovasi, Komuniti dan Jaringan, Fakulti Sains, UTM. Program ini mengupas mengenai logam berat yang terkandung dalam makanan laut dan penemuan teknologi terkini yang membolehkan aktiviti menyah toksin logam dilaksanakan dengan mudah dan cepat. Salah satu pemangkin mudah ialah menggunakan sodium bikarbornat dan beberapa pemangkin yang bersesuaian. Video ini telah dimuatnaik di url berikut:



<https://www.youtube.com/watch?v=d5vbB3sM2eM&feature=youtu.be>

Pengurusan Tekanan dan Cara Mengatasinya

13 Jun 2017

Puan Nurzima Zaihan Pi'i (Pusat Kaunseling)



Puan Nurzima telah berkongsi tips pengurusan tekanan, punca-punca utama tekanan yang dihadapi masa kini dan teknik-teknik mudah mengendalikan tekanan berkenaan kepada warga kerja UTM. Selain daripada itu, sesi praktikal turut diadakan untuk dimanfaatkan oleh hadirin usai program berkenaan.



Knowledge Sharing Activities

Bicara Karya 'Kompilasi Travelog, 7 Benua'

24 Mei 2017

Penceramah : Prof. Dr. Nordin Yahaya



Prof. Dr. Nordin Yahaya, Pro-Naib Canselor (Antarabangsa), UTM telah membawa hadirin berkelana ke 7 benua yang telah dijelajahi oleh beliau dan rakan-rakan kembara melalui buku 'Kompilasi Travelog 7 Benua', yang dihimpun oleh editor buku, Wazari Wazir.

Benua yang telah dijelajahi beliau dan rakan-rakan merangkumi Peru, Mongolia, Maghribi, Vietnam, Pakistan, China, dan Amerika Syarikat.



Dalam travelog ini, Prof. Dr. Nordin berkongsi pengalaman beliau ke bumi Aztec, Peru, suka duka, budaya serta pengalaman menjejakan kaki ke sana. Selain daripada itu, kemahiran fotografi beliau turut memperkayakan lagi catatan travelog berkenaan.

KELAS PERPUSTAKAAN @ PRZS

**Bengkel Kemahiran Pasca Ijazah
Fakulti Biosains dan Kejuruteraan
Perubatan**

Tarikh : 12 April 2017
Fasilitator : Puan Liza Porijo



**Kelas Endnote Fakulti Biosains dan
Kejuruteraan Perubatan**

Tarikh : 18 April 2017
Fasilitator : Encik Noor Effendy Hamzah



UTM Library Activities

2 April 2017



Bengkel Pemantapan *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)*

Taklimat oleh Encik Ab Hanan Md Basri, Pegawai Sains Unit Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTM.

lanya merupakan aktiviti pengenalpastian Hazard, penaksiran risiko dan kawalan risiko yang perlu dijalankan oleh setiap organisasi dalam memastikan persekitaran tempat kerja tidak terdedah kepada risiko-risiko yang mendatangkan bahaya kepada manusia, harta, dan persekitaran.

26 April 2017

Program Khidmat Masyarakat Perpustakaan UTM di Masjid Kolam Air Johor

Perpustakaan UTMJB, melalui PRZS, telah mengendalikan satu program khidmat masyarakat yang melibatkan para sukarelawan dari Perpustakaan sendiri.



Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah pembersihan dan menyusunatur ruangan masjid serta sumbangan bahan bacaan untuk perpustakaan Masjid berkenaan.

21 Jun 2017

Taklimat Keselamatan Staf Perpustakaan UTM



Satu sesi taklimat keselamatan telah disampaikan oleh Puan Zafarina Dol kepada staf perpustakaan UTM sebagai program 'awareness' dan langkah berjaga-jaga mengenai keselamatan nyawa, bangunan serta harta benda perpustakaan.

#Natrah : Perlukah Harga Diri?


9 Mac 2017

Satu program bicara karya anjuran Perpustakaan UTM Kuala Lumpur bersama dengan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERTISAS) telah diadakan di Dewan Seminar, Menara Razak UTM Kuala Lumpur.



Buat kesekian kalinya, program di UTM menampilkan Puan Sri Fatini binti Yaacob, yang merupakan Karyawan Tamu UTM dari tahun 2009-2014 dan juga penulis buku bertajuk Natrah: Cinta, Rusuhan, Air Mata. Seramai 110 orang telah hadir termasuklah YBhg. Prof. Dr. Durrishah Idrus, Pro Naib Canselor (Kampus UTMKL), Ketua Pentadbir UTMKL, ahli-ahli PERTISAS, pelajar dan tetamu VIP daripada kalangan rakan-rakan Puan Sri Fatini.


Reading @ UTM Library



'**Online dengan Tuhan**' , karya Dr. Zulkfli Khair, Pensyarah Fakulti Pengurusan, UTM mengaitkan penggunaan jaringan media sosial seperti emel, ruang sembang seperti Yahoo Mesenger, Skype, Friendster, MySpace, Facebook sebagai seumpama berhubung dengan Tuhan melalui talian tanpa wayar. Tidak kira di mana sahaja kita berada, kita sentiasa berkomunikasi dengan Super Kuasa secara 'online', dan berlaku tanpa mengira masa dan waktu. Buku '**Online dengan Tuhan**' mengajak pembaca menyelami hubungan antara hamba dengan Tuhan yang lebih hebat dan melampaui teknologi atas talian yang ada pada hari ini.

**No. Panggilan :
BP166.2 Z84 2009**

Olaf Sporns, highlights the emerging points of contact between neuroscience and network science. Sporns emphasises how networks connect levels of organisation in the brain and how they link structure to function, offering an informal and nonmathematical treatment of the subject. The book serves to introduce network theory to neuroscientists and neuroscience to those working on theoretical network models. Overall, the book provides a synthesis of the sciences of complex networks and the brain that will be an essential foundation for future research.



**Call No :
QP363.3 S66 2011**

News @ UTM Library, JB



Gotong-royong perdana ,
20 April 2017



Penyerahan Zakat Bank Islam dan
Buku kepada Perpustakaan UTM
12 April 2017



Art@UTM Library
'Menyantuni Warisan Sejarah Universiti'



...”Keberadaan Universiti pada hari ini bermula dengan sejarah lampau, lahir sebagai sebuah entiti kecil, kini dewasa dan berkembang mendepani cabaran global’.

Justeru, pada 6 Jun hingga 30 Sept 2017, bertempat di Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru, satu pameran sejarah UTM telah diadakan untuk memenuhi maksud berkenaan.

LAWATAN AKADEMIK KE

PERPUSTAKAAN UTM



Lawatan dari Universitas Bung Hatta Padang, Indonesia pada 2 April 2017



Lawatan We Share We Care pada 6 April 2017



Lawatan dari Persatuan Kejuruteraan Awam (PEKA) UTM pada 11 April 2017



Lawatan EduPelancongan Sek. Men. Teknik Terengganu pada 27 April 2017

Pembentangan Pelajar Praktikal (UiTM), 22 Jun 2017



Fatin Farhana Syuaib, pelajar praktikal **UiTM** telah melaksanakan pembentangan beliau sebelum menamatkan tempoh latihan di perpustakaan. Kami mengucapkan syabas dan selamat berjaya kepada beliau dalam kerjaya di masa akan datang.